

14/08/1998

Dr Mahathir perjelas tujuan lawatan

PETALING JAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan lawatan yang sedang dilakukannya ke seluruh negara bertujuan memberi penjelasan mengenai kegawatan ekonomi, bukan berkempen untuk pilihan raya.

Perdana Menteri berkata, beliau harus memberi penjelasan mengenai kegawatan itu secara langsung kerana kebanyakan orang sukar memahami masalah yang melanda negara, malah masih hidup mewah.

"Itulah yang difikirkan orang asing. Saya mengelilingi negara kerana saya mahu menjelaskan kepada rakyat apa itu kegawatan ekonomi kerana ini sukar difahami kebanyakan orang.

"Masa kita ada kegawatan ini, sesetengah orang rasa hidup mewah kerana harga kelapa sawit naik, harga getah dan koko naik dan sesetengah perniagaan maju.

"Jadi bila kita ada kegawatan, dia tak faham. Jadi saya perlu terangkan ... kegawatan ekonomi ada kesannya. Lebih baik saya terangkan sendiri," katanya menjawab soalan wartawan sama ada lawatannya ke seluruh negara itu sebagai persediaan menghadapi pilihan raya.

Perdana Menteri berkata, jika pilihan raya nanti, lebih banyak lagi lawatan akan diadakan.

"Tetapi di Sabah, kita akan adakan pilihan raya. Jadi saya akan ke Sabah dan itu adalah soal yang berbeza," katanya selepas melancarkan Ekspo Produk Malaysia, di sini hari ini.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; dan Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar.

Ekspo itu dianjurkan bersama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Persatuan Penyanyi, Pemuzik dan Pencipta Lagu Tanah Air (Papita) serta ditaja KH Chia Brothers Sdn Bhd dan Grand Brilliance Sdn Bhd.

Pada majlis itu juga, Perdana Menteri menerima sumbangan daripada Rangkaian Hotel Seri Malaysia sebanyak RM44,000 dan RM10,000 daripada Radio Redifussion untuk Dana Khas Negara.

Perdana Menteri yakin lebih dagangan Malaysia akan bertambah dengan adanya ekspo dan galakan untuk membeli barangan tempatan.

Beliau juga berharap ekspo seumpama itu akan diadakan di negeri-negeri lain selain di peringkat nasional.

"Tak tahulah kalau Papita boleh adakan ekspo bergerak. Dari segi pembelian juga bertambah. Macam Ekspo Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia dulu, 100,000 pengunjung yang bukan saja melawat tetapi juga membeli," katanya.

(END)